



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN BELANJAWAN MADANI 2026: MEMPERKUKUH SISTEM PENGANGKUTAN UNTUK RAKYAT, EKONOMI DAN NEGARA

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) akan meneruskan komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan sistem pengangkutan yang selamat, mampan dan berorientasikan rakyat.

Belanjawan MADANI 2026 merupakan kesinambungan usaha Kerajaan dalam memperkukuh agenda Ekonomi MADANI dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) yang menekankan pertumbuhan inklusif, kemampanan fiskal dan kesejahteraan rakyat.

TUMPUAN BELANJAWAN MADANI 2026 BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK

SEKTOR DARAT (JALAN)

1. **Pengecualian Duti Eksais dan Cukai Jualan sepenuhnya bagi kenderaan teksi nasional** dengan nilai pengecualian dianggarkan sebanyak RM10,000 bagi setiap unit adalah selaras dengan inisiatif meremajakan industri teksi. Inisiatif ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada lebih 21,000 pemandu teksi berlesen sedia ada dan baharu malahan sebagai persediaan dalam meningkatkan imej negara semasa menyambut Tahun Melawat Malaysia 2026.

2. **Penambahan tiga laluan baharu dan 34 buah bas di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) di Johor** dilaksanakan selaras dengan usaha menyokong operasi Rapid Transit System (RTS) Johor





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Bahru–Singapura yang dijadualkan bermula pada 1 Januari 2027. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan aksesibiliti, keselesaan dan kebolehpercayaan ribuan penumpang di Johor terhadap perkhidmatan bas sekali gus menyokong matlamat Kerajaan untuk memperkukuh kecekapan dan kebolehcapaian sistem pengangkutan awam darat di negara ini.

3. Prasarana telah menambah baik **Infrastruktur Pengangkutan Awam bagi kebolehcapaian Orang Kelainan Upaya (OKU)** dengan penambahan sebanyak 100 unit Van Mobiliti yang mampu membawa sehingga 3 penumpang berkerusi roda dan dilengkapi dengan sistem pengangkat kerusi roda. Van mobiliti ini memberikan akses pengangkutan inklusif untuk OKU, golongan warga emas, atau golongan berkeperluan khas dan merupakan inisiatif sokongan komuniti mesra OKU. Perkhidmatan ini menggunakan konsep pintu ke pintu bagi pengguna di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang bagi belanjawan kali ini.

4. Kereta melebihi 20 tahun yang tidak ekonomik berisiko menjejaskan keselamatan di jalan raya. Kerajaan bersama syarikat pengeluar kenderaan nasional menyediakan **geran padanan sehingga 4,000 ringgit** untuk menggalakkan pemilik melupus kenderaan lama dan membeli kenderaan nasional baharu untuk kecekapan pemanduan dan keselamatan di jalan raya. Pelaksanaan ini juga adalah selari dengan inisiatif pembatalan pendaftaran secara atas talian kenderaan (sistem e-Dereg) yang dibangunkan oleh MOT melalui JPJ bagi memastikan proses pembatalan yang mudah dan pelupusan yang sistematik demi menyokong kelestarian alam sekitar.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

5. Kerajaan terus menanggung bayaran mendapatkan **lesen motosikal kelas B2** bagi membantu belia kurang mampu terlibat dalam perkhidmatan penghantaran. Inisiatif ini memperluas akses kepada latihan pemanduan yang sah dan berlesen, seterusnya meningkatkan keselamatan jalan raya serta memperkasa mobiliti golongan sasaran. Langkah ini juga akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam sektor penghantaran dan *e-hailing* selaras dengan usaha Kerajaan meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat.
6. JPJ telah menyediakan kaunter di tiga lokasi **Kiosk MADANI dan kaunter JPJ** di semua pejabat UTC sedia ada. Pembangunan kiosk MADANI secara berperingkat di semua negeri akan meningkatkan lagi capaian perkhidmatan JPJ di seluruh negara demi kemudahan rakyat.

SEKTOR DARAT (REL)

7. **Projek RTS Link** dijadualkan beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2027 dengan kapasiti 10 ribu penumpang setiap jam setiap hala pada waktu puncak. Transit rel ulang-alik ini dapat memperkukuh kesalinghubungan antara Malaysia dengan Singapura dan mampu mengurangkan kesesakan di Tambak Johor.
8. MOT akan **menaik taraf landasan kereta api Pasir Mas–Rantau Panjang** bagi meningkatkan kegiatan ekonomi rentas sempadan dan memperkukuh jaringan logistik serantau. Usaha ini juga selaras dengan hasrat untuk menghidupkan semula perkhidmatan rel di kawasan sempadan Kelantan–Thailand. Ia turut berpotensi menjadi laluan alternatif baharu bagi perdagangan dua hala selain daripada Padang Besar.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

9. MOT melalui Perbadanan Aset Keretapi (RAC) menyokong usaha Kerajaan dalam memulihara warisan bandar Kuala Lumpur melalui projek penambahbaikan dan pemuliharaan Stesen Keretapi Kuala Lumpur (KLO). Projek pemuliharaan ini merupakan usaha penting bagi memastikan bangunan ikonik ini terus terpelihara dan berfungsi sebagai stesen keretapi aktif, di samping memperkukuh peranannya sebagai destinasi pelancongan warisan utama di Kuala Lumpur.

10. MOT akan memperluas **inisiatif MyRailLife oleh KTMB** kepada kanak-kanak berusia enam tahun ke bawah dalam memastikan manfaat pengangkutan awam dapat dinikmati secara lebih menyeluruh. Perluasan inisiatif ini akan membolehkan golongan berkenaan, termasuk pelajar sekolah dan golongan OKU, menikmati pas perjalanan percuma tanpa had bagi perkhidmatan KTM Komuter di Lembah Klang dan Utara serta Shuttle DMU antara Gemas dengan Tumpat, seterusnya membantu mengurangkan kos sara hidup keluarga.

11. Perkhidmatan ETS yang mula beroperasi ke Stesen Kluang pada Ogos lalu, menandakan **perluasan perkhidmatan ETS ke selatan Semenanjung**. Fasa terakhir projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru pula dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2025. Projek ini membolehkan perkhidmatan ETS dilanjutkan terus ke Stesen Johor Bahru Sentral. Apabila siap sepenuhnya kelak, projek ini akan meningkatkan keupayaan kapasiti tren, mengurangkan masa perjalanan antara Kuala Lumpur dengan Johor Bahru, serta menjadi pemangkin utama kepada pertumbuhan ekonomi dan pelancongan di selatan tanah air.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

12. **LRT Laluan Shah Alam** atau dikenali sebagai LRT3 merupakan salah satu inisiatif utama dalam memperkukuh rangkaian pengangkutan awam rel di Lembah Klang. LRT Laluan Shah Alam yang menghubungkan Bandar Utama, Damansara ke Johan Setia, Klang dengan jajaran sepanjang 37.8 km akan meningkatkan ketersambungan rel melalui integrasi dengan dua laluan rel sedia ada iaitu LRT Laluan Kelana Jaya dan MRT Laluan Kajang. Perkhidmatan LRT Laluan Shah Alam dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2025 dan mampu menampung lebih 6,200 orang penumpang setiap jam setiap arah.

13. Pelaksanaan **projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Fasa 1 dari Kota Bharu ke Gombak** yang kini telah mencapai kemajuan 88.08%, dijangka beroperasi secara berperingkat bermula Disember 2026. Projek ini akan menjadi pemangkin ekonomi Pantai Timur dengan menghubungkan wilayah tersebut dengan Lembah Klang. Melalui kos keseluruhan sebanyak RM50.27 bilion, ECRL dijangka memberi manfaat melalui pengangkutan yang lebih cekap dan kos efektif, peluang pekerjaan dan pembangunan kemahiran tempatan di samping pertumbuhan ekonomi setempat serta pembangunan wilayah seimbang.

14. Prasarana Malaysia Berhad akan melaksanakan **penggantian 26 unit tren LRT di Laluan Kelana Jaya** dengan jumlah kos sebanyak RM1 bilion sebagai usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengalaman penumpang. Peruntukan besar ini akan memperkenalkan tren yang lebih moden, selesa serta boleh dipercayai sejajar dengan keperluan pengangkutan awam masa kini.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

15. **LRT Laluan Mutiara** merupakan projek rel bandar pertama di luar Lembah Klang dengan jajaran sepanjang 29.5 km dari Pulau Silikon ke KOMTAR dan merentasi Selat Pulau Pinang dari Macallum ke Penang Sentral di Butterworth. Projek yang dijangka siap menjelang Disember 2031 ini akan menjadi pemangkin ekonomi dan memberi manfaat kepada lebih 1.8 juta penduduk di Pulau Pinang, komuniti di Seberang Perai, Kedah Selatan dan Perak Utara.

SEKTOR MARITIM

16. Inisiatif membangunkan Kompleks *Teaching Shipyard TVET Marine* di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai **institusi TVET berkaitan maritim berkemahiran tinggi** dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maritim dijangka dapat melahirkan tenaga kerja mahir tempatan serta menyokong pembangunan ekonomi biru yang menjadi pemacu utama pertumbuhan sektor maritim negara.

17. Pelaksanaan **projek menaik taraf dan menambah baik jeti awam di Pulau Banggi, Sabah** yang dibiayai melalui peruntukan Kerajaan Negeri Sabah akan memperkukuh infrastruktur pengangkutan laut, meningkatkan keselamatan serta keselesaan pengguna di kawasan kepulauan.

SEKTOR UDARA

18. Langkah **pemeriksaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB)** akan memperkukuh kecekapan pengurusan lapangan terbang negara dengan menaik taraf beberapa lapangan terbang di Malaysia termasuk pembesaran Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Perak, Lapangan Terbang Sultan Ismail





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Petra, Kota Bharu, Kelantan, pembangunan Lapangan terbang antarabangsa di Pulau Pinang, Kota Kinabalu, Tawau dan Miri termasuk projek Inter-Terminal Transfer antara KLIA Terminal 1 dan Terminal 2. Projek-projek ini akan dapat meningkatkan kecekapan, daya maju dan daya harap perkhidmatan lapangan terbang. Perkhidmatan yang cekap ini juga membolehkan rakyat bergerak dengan lancar dan selamat.

19. Pelaksanaan **projek pembangunan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang (Subang Airport Regeneration Plan – SARP) dan kawasan sekitarnya** akan diterajui oleh pihak Kerajaan dan GLC bagi memastikan kepentingan dan penyertaan Bumiputera diutamakan. Projek ini akan menampung pelbagai aktiviti utama yang menyokong industri pengangkutan udara dan aeroangkasa selari dengan hasrat Kerajaan mensasarkan Malaysia untuk menjadi peneraju aeroangkasa di rantau Asia Tenggara menjelang tahun 2030.

20. **Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services–RAS)** merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah serta merupakan mod pengangkutan utama untuk penduduk di kawasan tersebut. Peruntukan subsidi tahunan sebanyak RM209 juta adalah komitmen Kerajaan bagi memastikan perkhidmatan ini terus berdaya maju dan dapat memenuhi keperluan rakyat dengan lebih efektif.

21. **Pemeriksaan bidang aeronautik melalui pembangunan Air Space Sandbox** di Sungai Batu Pahat, Perlis dan fasiliti lapangan terbang di UTHM dapat menyokong industri penerbangan maritim dan melahirkan juruterbang amfibia tempatan. Inisiatif ini akan mempercepat pembangunan mobiliti udara, mencipta pekerjaan berkemahiran dan membuka peluang kepada





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

syarikat tempatan untuk meneroka pasaran berimpak tinggi secara lebih meluas.

SEKTOR LOGISTIK

22. Projek pemasangan **Mesin Pengimbas baharu di Pelabuhan Darat Perlis (PIP)** merupakan langkah strategik untuk memodenkan infrastruktur logistik sempadan. Ia dijangka dapat memudah cara proses pelepasan kargo, meningkatkan integriti keselamatan rantai bekalan serta memperkukuh kedudukan Perlis sebagai gerbang perdagangan darat yang utama di utara Semenanjung.

23. Inisiatif pembangunan **Selangor Aero Park (SAP)** di Sepang yang akan dilaksanakan melalui kerjasama strategik antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) akan memperkukuh sektor logistik udara. **Pembangunan hab logistik dan kargo serantau di kawasan seluas 600 ekar** ini merupakan satu inisiatif berimpak tinggi yang akan merancakkan lagi pertumbuhan industri logistik, membuka limpahan peluang ekonomi baharu, serta mengukuhkan daya saing Malaysia di persada global. Ia dijangka mampu menyediakan lebih 30,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

KE ARAH MOBILITI MASA DEPAN

24. Dengan sokongan Belanjawan MADANI 2026, MOT akan terus membangunkan sistem pengangkutan yang inklusif, hijau dan berdaya tahan bagi memastikan setiap rakyat menikmati kemudahan pergerakan yang lebih baik.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

25. Belanjawan ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk mengembalikan hasil negara kepada rakyat, memperkukuh jaringan keselamatan sosial, serta menyediakan asas kukuh ke arah Malaysia yang lebih maju, makmur dan mampan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

10 OKTOBER 2025

-TAMAT-

TENTANG MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

